



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN





## Bengkel Penulisan Bagi Lain-lain Penerbitan

**NUR SOFIAH ABU KASSIM, KAVIRAJAA PANDIAN SAMBASEVAM, NOR AKMALAZURA JANI, NURAZIRA MOHD NOR, NURUL' AIN JAMION, & WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID**

UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Penerbitan merupakan antara kriteria yang perlu dipenuhi setiap tahun di dalam penetapan sasaran kerja tahunan (SKT) bagi seorang ahli akademik atau pensyarah di semua universiti awam dan swasta. Bagi pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM), untuk mencapai markah laporan penilaian tahunan yang maksimum, sebanyak tiga penerbitan perlu dihasilkan. Hal ini merujuk kepada Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bil. 03 Tahun 2022 yang mewajibkan setiap pensyarah UiTM untuk mencapai jumlah penerbitan yang telah ditetapkan mengikut trek masing-masing iaitu trek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengamal industri dan kepimpinan institusi. Setiap trek ini mempunyai bilangan penerbitan yang perlu dicapai bagi setiap tahun. Namun, kriteria ini agak sukar untuk dicapai bagi pensyarah yang tidak mempunyai dana penyelidikan atau pelajar bagi menjalankan aktiviti penyelidikan secara berterusan. Oleh itu, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Kuala Pilah telah mengambil inisiatif dengan mengadakan bengkel penulisan lain-lain penerbitan bagi membantu rakan-rakan pensyarah untuk menghasilkan lain-lain penerbitan yang turut dinilai bagi pencapaian SKT tahunan.

Secara umum, lain-lain penerbitan merangkumi penulisan di majalah, surat khabar, buku dan sebagainya yang mempunyai nombor penjilidan seperti ISSN, ISBN, eISSN atau eISBN. Bengkel penulisan bagi lain-lain penerbitan telah diadakan pada 21 Julai 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTMCNS, Kampus Kuala Pilah dan dihadiri oleh 18 peserta yang terdiri daripada pensyarah PPKAS dan Pusat Pengajian Biologi.

Bengkel anjuran Ahli Jawatankuasa Penerbitan PPKAS

yang diketuai oleh Dr. Kavirajaa Pandian Sambasevam ini telah menjemput Professor Madya Ts. ChM. Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali untuk berkongsi pelbagai informasi dan pendekatan bagi menghasilkan lain-lain penerbitan yang berkualiti. Antara perkongsian bermanfaat daripada penceramah adalah para pensyarah boleh bermula menulis dengan tajuk yang dekat dengan penulis seperti contoh, hasil penyelidikan sendiri atau tajuk yang berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan bidang kepakaran masing-masing. Selain itu, penceramah juga turut berkongsi pengalaman berkaitan proses penerbitan artikel ke Majalah Kosmik melalui penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, penceramah turut berkongsi mengenai peluang lain yang boleh diperolehi dengan menerbitkan karya penulisan lain-lain penerbitan seperti pendaftaran kepakaran dibawah UiTM Consultancy.

Bengkel bersiri di bawah Program MentorMentee PPKAS, dan tanda pagar #K2K, #PPKAS MentorMentee dilihat dapat memberi peluang kepada para pensyarah baru, khususnya sekaligus memberi motivasi kepada semua pensyarah untuk aktif dalam bidang penulisan. Secara keseluruhan, bengkel yang berlangsung selama satu jam ini banyak memberi faedah kepada para pensyarah yang hadir dan seterusnya menyuntik semangat bagi menghasilkan lebih banyak penulisan yang bermanfaat kepada masyarakat.

**BENKEL PENULISAN  
"LAIN-LAIN PENERBITAN"**

**TARIKH**  
21 Julai, 2023

**MASA**  
3.00 - 4.00 PM

**TEMPAT**  
BMU

**PENCERAMAH**  
PROF MADYA TS. CHM. DR. SHEIKH AHMAD IZADDIN BIN SHEIKH MOHD GHAZALI

**ANJURAN**  
Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar,  
UiTM Caw. Negeri Sembilan (Kuala Pilah)



Gambar-gambar sekitar Bengkel Penulisan "Lain-lain Penerbitan"